



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 19 APRIL 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAFS LAUNCHES AIDILFITRI SALES CARNIVAL PROGRAMME, BUSINESS TODAY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	JUALAN KHAS SYAWAL MADANI CATAT JUALAN RM4.5 JUTA, MALAYSIA DAILY NEWS -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	AGROBANK'S MOBILE BANKING SERVICE EXPANDED TO 8 RURAL KELANTAN AREAS, NATION, SIN CHEW DAILY -26	AGROBANK
4.	VEGETABLES PRICES CHEAPER IN MALACCA, NEWS, THE SUN -3	LAIN-LAIN
5.	TELUR CUKUP, HARGA SAYUR TURUN, NEGERI KELANTAN, SH -28	
6.	BERNAS RAIKAN GOLONGAN ASNAF, PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -30	
7.	BERNAS RAI LIMA KELUARGA ASNAF, NASIONAL, SH -22	
8.	PEMUDA PUKUL, BAKAR ANJING DIHUKUM, NEGERI JOHOR, SH -26	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2023	BUSINESS TODAY	ONLINE	

MAFS Launches Aidilfitri Sales Carnival Programme



The Association of Women and Members of the Public Service (PUSPANITA) MFS Branch, the Farmers' Club and the Federal Agricultural Marketing Authority (FAMA) are working together to organise the Ministry of Agriculture and Food Security's (MAFS) Aidilfitri Sales Carnival 2023 at Wisma Tani for two days starting today (April 17).

This cooperation program is a traditional activity of MFS which aims to supply the needs and equipment of Eid in the run-up to Aidilfitri which will be celebrated with joy, not only for MFS citizens but open to all citizens of Putrajaya.

The carnival was officiated by the Minister of Agriculture and Food Security, Datuk Seri Haji Mohamad Sabu, together with the Chairman of PUSPANITA branch of MFS, Datin Wan Razanawani Wan Zakaria.

Datuk Seri Haji Mohamad Sabu then spent time visiting and socialising with entrepreneurs and traders at more than 60 sales stalls participating in this carnival accompanied by Datin Wan Razanawani Wan Zakaria, Chairman of PUSPANITA. Among the entrepreneurs involved are from PUSPANITA MFS Branch, Kelab Tani, Putrajaya hawkers and FAMA agricultural entrepreneurs.

Various fresh food products such as fresh chicken, fish, raw meat, eggs and fresh vegetables are also sold. Apart from that, Aidilfitri clothes and accessories include a variety of cakes, frozen foods and other sales activities that offer attractive and affordable prices to visitors.

In conjunction with the organisation of this carnival, selected traders are also offering discounts on fresh products at lower prices, including selling fresh chicken at a price of RM9/kg, fresh meat at RM35/kg, grade B eggs at a price of RM 12.50 per pack and Madani Vegetable Combo at a price RM5 per pack during Happy Hour sale activities. There will also be a gift of shopping coupons ranging from RM5 to RM20 to lucky visitors.

The organisation of a program like this can actually provide savings value to consumers and show the role of MFS and the Departments and agencies under it in helping the government implement programs for the benefit of the people with the "quick win and high impact" method in addition to providing additional market access for agro-food products and helping to increase the income of entrepreneurs. through direct sales to consumers.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2023	MALAYSIA DAILY NEWS	ONLINE	

JUALAN KHAS SYAWAL MADANI CATAT JUALAN RM4.5 JUTA



ALOR GAJAH, 18 April (Bernama) — Jualan Khas Syawal Madani yang bermula Sabtu lepas berjaya mencatatkan RM4.5 juta nilai jualan, menurut Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata nilai tersebut adalah hasil penglibatan 1,462 usahawan di 38 lokasi bagi outlet pemasaran Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) seluruh negara.

“Melihat kepada perkembangan positif yang dicatat hanya dalam tempoh tiga hari ini, kita akan teruskan program sebegini pada perayaan utama lain seperti Aidiladha, Deepavali dan Krismas.

“Pada masa sama, sasaran untuk mencapai RM13 juta nilai jualan juga mampu direalisasikan dalam tempoh dua hari lagi (menjelang Syawal),” katanya kepada media pada Program Jelajah Ramadan Menteri Pertanian dan Kerterjaminan Makanan bersama usahawan Melaka di Padang Sebang di sini hari ini.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertahanan yang juga Ahli Parlimen Alor Gajah Adly Zahari dan Pemangku Ketua Pengarah FAMA Rashid Bahri.

Beliau berkata secara keseluruhan FAMA menasarkankan nilai jualan sebanyak RM13 juta yang melibatkan 113 outlet pemasaran.

Mohamad menjelaskan pihaknya juga merancang untuk meneruskan dengan program jualan terus dari ladang dan Jualan Agro Madani dengan menasarkankan 2,000 outlet selepas Syawal ini.

Terdahulu pada majlis berkenaan, seramai 160 penerima terdiri daripada golongan asnaf dan kakitangan FAMA menerima sumbangan berupa kit makanan, di samping 40 orang anak yatim dan 20 ibu tunggal yang turut menerima sumbangan duit raya.

—BERNAMA

Headline	Agrobank`s mobile banking service expanded to 8 rural Kelantan areas		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	19 Apr 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	26	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	151 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,576
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,727



農業銀行流動銀行服務 擴展至丹州8郊區



东姑阿末峇迪里（左二）移交捐献，由女王东姑阿妮丝（右二）接领。

农业银行（Agrobank）扩展流动银行服务至吉兰丹州的8个巫金地区，为郊区的农业社区人民提供基本的银行服务。

银行总裁兼首席执行官拿督东姑阿末峇迪里指出，这是继沙巴之后，流动银行服务扩展至吉兰丹，借此提升农村地区的金融服务范畴，让未得到服务和不足服务的社区也能够获得相关的服务。

他希望相关的现代银行服务能够迎合当地农村社区的日常需要，进而提升当地社区人民的社会经济水平。

受邀主持推展仪式者为丹州苏丹的母亲，也就是女王东姑阿妮丝。出席者包括农业及粮食安全部秘书长拿督洛曼哈京阿里。农业银行在仪式上移交1万令吉的捐献给接受帮助者。（ML）

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2023	THE SUN	NEWS	3

Vegetable prices cheaper in Malacca

MALACCA: The prices of vegetables in Malacca have dropped by up to 10% from the ceiling price in conjunction with the upcoming Hari Raya Aidilfitri, said state Domestic Trade and Costs of Living Ministry director Norena Jaafar.

She added that these vegetables include cabbage, long beans, tomatoes, cucumber and *choy sum*, which are sold cheaper in Malacca compared with other states.

"The drop in vegetable prices has been observed since the beginning of April, and among factors are sufficient supply of vegetables in Malacca and warmer climate," she said at the launch of the state-level Festive Season Maximum Price Control Scheme.

In a separate matter, Norena said a total of 35 enforcement officers will monitor the prices of goods at supermarkets, markets, farmers mart and retail outlets to comply with the scheme from April 15 to 30.

- Bernama

Telur cukup, harga sayur turun

KPDN Kelantan minta orang ramai tidak khuatir kerana dapat jaminan daripada pengeluar

Oleh HAZELI LIANA
KAMARUDIN
KOTA BHARU

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Kelantan memegaskan bekalan telur mencukupi sekaligus mampu menampung keperluan menjelang sambutan Aidilfitri.

Pengarahnya, Azman Ismail berkata, jaminan tersebut diberikan oleh pengeluar yang akan memastikan bahan mentah itu sentiasa ada di pasaran.

"Selain itu, pengguna tidak perlu khuatir, harga sayur ketika ini menunjukkan penurunan."

"Penurunan itu, hasil pemantauan yang dilakukan oleh pihak kami setiap hari," katanya semasa sidang akhbar pada Selasa.

Sebelum itu, beliau hadir ke program turun padang meninjau Pelaksanaan Skim Harga



Azman (kiri) bersama Hanifa (dua dari kanan) meninjau Pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa di Pasar Raya AEON, Kota Bharu pada Selasa.

Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) Hari Raya Puasa yang dirasmikan oleh Exco Perindustrian, Perdagangan, Pelaburan dan Pembangunan Usahawan, Datuk Hanifa Ahmad.

Menurut beliau, pada masa yang sama KPDN Kelantan memberi jaminan bekalan sayur dan barangan basah lain mencukupi menjelang Aidilfitri.

Ujarnya, pengguna tidak perlu takut dan membuat pembelian panik kerana semua barangan asas ada di pasaran.

Dalam perkembangan lain, Azman memberitahu, sebanyak 212 tindakan kes telah dilaporkan dari Januari hingga April.

"Ia melibatkan pelbagai kesalahan di bawah perundangan KPDN melibatkan kesalahan menjual barangan harga terkawal melebihi harga maksimum, gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barangan harga terkawal serta tidak meletakkan tanda pamerkan untuk jualan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/4/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30

Bernas raikan golongan asnaf, pesawah

PETALING JAYA: Padiberas Nasional Berhad (Bernas) menyantuni golongan asnaf dan pesawah menerusi Program Ikhlas Ramadan Bernas sempena Ramadan dan menjelang Syawal di Teluk Intan, Perak.

Ketua Jabatan Pengurusan Bekalan dan Skim Bernas, Mohamad Solhi Mohd. Salleh berkata, golongan asnaf yang diberi bantuan terdiri daripada golongan yatim piatu, petani dan kurang berkemampuan.

“Mereka ini tidak akan kita lupakan agar mereka dapat merasakan keistimewaan bulan mulia Ramadan dan kemeriahan Aidilfitri.

“Menerusi program itu, Bernas berbesar hati dapat menceriakan hati mereka,” katanya.

dalam satu kenyataan. Dalam pada itu, Jabatan Komunikasi Korporat Bernas, Dzul Affandi Mat Noor berkata, antara aktiviti yang dijalankan dalam satu hari itu adalah membeli barangan keperluan raya, memberi bantuan kotak makanan dan majlis berbuka puasa.

“Lima keluarga yang diraikan itu dipilih oleh kariah Masjid Al-muzakkirin, Kampung Charlie, Teluk Intan dan merupakan sebahagian komuniti kilang beras Bernas Changkat Lada, Perak.

“Keterujaan menyambut perayaan Aidilfitri jelas terpancar di wajah mereka yang dibawa membeli baju raya di sebuah pasar raya terkemuka di Manjung,” katanya.



KAKITANGAN Bernas bergambar bersama golongan asnaf dan pesawah selepas membeli baju raya di sebuah pasar raya terkemuka di Manjung, Perak.

Bernas rai lima keluarga asnaf

Bantu persiapan raya menerusi Program Ikhlas Ramadan Bernas

Oleh **MOHAMAD AMREEL IMAN**
ABD MALEK
SHAH ALAM

Padiberas Nasional Bhd (Bernas) meraikan dan menyantuni lima keluarga asnaf yang terdiri daripada golongan yatim piatu, petani dan golongan kurang berkemampuan dengan menyampaikan bantuan persiapan raya menerusi Program Ikhlas Ramadan Bernas baru-baru ini.

Ketua Jabatan Pengurusan Bekalan dan Skim Bernas, Mohamad Solhi Mohd Salleh berkata, lima keluarga itu dipilih dari kariah Masjid Al-Muzakkirin, Kampung Chawi, Telok Intan iaitu sebahagian daripada komuniti Kilang Beras Bernas (KBB) Changkat Lada, Perak.

Menurutnya, menerusi bantuan tersebut, mereka dibawa membeli-belah baju raya mengikut pilihan masing-masing di salah sebuah pasar raya terkemuka di Manjung selain turut menerima



Program Ikhlas Ramadan Bernas telah memberikan kegembiraan kepada lima keluarga asnaf untuk menyambut Hari Raya Aidilfitri.

wang tunai.

"Golongan asnaf ini tidak kita lupa agar mereka dapat meraikan keistimewaan bulan mulia Ramadan mahupun kemeriahan Aidilfitri seperti orang lain," katanya.

Sementara itu, salah seorang penerima, Siti Mariam Othman mengakui gembira dengan bantuan baju raya yang dihulurkan Bernas.

"Melalui bantuan yang dihulurkan ini, ia sedikit sebanyak dapat mengurangkan beban yang ditanggung dari segi perbelanjaan menjelang hari raya," jelasnya yang turut menyara dua adiknya.

Dalam pada itu, Mohd Shahril Ibrahim berkata, dia bersyukur menerima bantuan persiapan raya untuk anak-anaknya.

"Alhamdulillah, sangat gembira me-

lihat anak-anak seronok memilih pakaian mereka dengan warna sedondon," ujarnya.

Selain itu, Bernas turut menyalurkan bantuan tunai kepada lima masjid iaitu Masjid Al-Muzakkirin Kampung Bukit Chawi, Masjid Nurul Hidayah, Masjid Muhajirin, Masjid Jumhufriah dan Surau Ibadur Rahman yang terletak di sekitar Telok Intan, Perak.

19/4/2023

SINAR
NEGERI JOHOR

26

HARIAN

Pemuda pukul, bakar anjing dihukum

Hukuman tujuh kali sebatan ringan selepas mengaku bersalah sebabkan kesakitan pada anjing

Oleh **ZULHISHAM ISAHAK**
JOHOR BAHRU

Seorang pemuda akan menjalani hukuman tujuh kali sebatan ringan di Mahkamah Sesyen di sini pada 21 Mei ini selepas mengaku bersalah menyebabkan kesakitan ke atas seekor anjing betina pada bulan lalu.

Braden Yap Hong Seng, 19, selaku orang kena saman (OKS) dibebaskan di Mahkamah Sesyen di sini pada Selasa dengan bonjamaan berkelakuan baik selama setahun dan seorang penjamin selepas membuat pengakuan bersalah

pada 12 April lalu.

Hong Sheng yang mengaku bersalah atas pertuduhan berkenaan turut dibenarkan ikat jamin sebanyak RM10,000.

Hakim Datuk Che Wan Zaidi Che Wan Ibrahim berkata, mahkamah menjatuhkan hukuman tersebut selepas menimbangangkan beberapa faktor.

Jelas beliau, keputusan penghakiman tersebut dibuat selepas pihak mahkamah menimbangangkan rayuan daripada pihak peguam, hujahan pihak pendakwa dan fakta kes berkenaan.

Menurutnya, keputusan tersebut juga dibuat selepas menimbangangkan bahawa itu merupakan kesalahan pertama OKS selain merupakan pesalah muda serta menyatakan sudah insaf dan telah mengaku bersalah di peringkat awal pendakwaan.

"OKS juga tidak dijatuhkan hukuman penjara kerana tidak sesuai disebabkan dia masih muda dan mempunyai masa depan yang panjang. Bagaimanapun



Hong Sheng (kiri) dibebaskan di Mahkamah Sesyen pada Selasa dengan bonjamaan berkelakuan baik selama setahun dan seorang penjamin.

mahkamah memandang berat akan perbuatan tidak berperikemanusiaan yang dilakukan OKS.

"Sudah menjadi tanggungjawab mahkamah untuk memberi hukuman setimpal dengan

oleh anjing itu terhadap kamu (OKS), kamu tidak sepatutnya bertindak kejam hanya kerana sakit hati, sepatutnya kamu membuat laporan kepada agensi penguatkuasaan untuk mereka ambil tindakan.

"Setiap yang bernyawa termasuk haiwan mempunyai hak asasi untuk dilindungi dengan undang-undang dan hidup aman damai," katanya dalam penghakiman tersebut.

Pada 21 April lalu, Hong Seng mengaku bersalah Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan berkenaan tetapi peguam P Rajakunaseelan yang mewakilnya ketika itu memohon penangguhan hukuman kerana peguam G K Sriitharan yang sepatutnya mewakili anak guamnya tidak dapat hadir kerana berada di luar negara.

Mahkamah menetapkan 21 Mei depan untuk pelaksanaan hukuman sebatan ringan itu terhadap tertuduh secara terbuka di Mahkamah Sesyen Jenayah 4, pada jam 9 pagi.